

# Jana cendekiawan Islam

» Program PERMATA Insan fokus kepada PdP pintar, aktiviti penyelidikan dan inovasi


Musa memberikan kata-kata semangat kepada pelajar.

FOTO WANNEAMIRAH WANMOHAMMEDREZA/BH1



“**Saya berazam belajar bersungguh-sungguh sepanjang berada di sini”**

**Irfan Ezani Suhaimi,**  
Pelajar perintis



Bangunan Kolej PERMATA Insan USIM.

Oleh Mohd Amin Jalli  
upen@bh.com.my

► Nilai

“**S**aya membuat pilihan sendiri untuk belajar di sini kerana lebih yakin dengan kurikulum Program PERMATA Insan yang mengutamakan keseimbangan antara duniawi dengan ukhrawi.”

Demikian nekad Irfan Ezani Suhaimi, 13, yang melepaskan tawaran memasuki Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) demi menjadi antara 50 pelajar perintis terpilih dari seluruh negara untuk mengikuti pengajian Menengah Asas 1 (Tingkatan 1) di Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Bekas pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Perling dari Nusajaya, Johor itu membuat keputusan berkenaan kerana menginginkan cabaran baharu berbanding pembelajaran di sekolah berasrama penuh lain.

“Persaingan untuk mendapatkan tempat di sini amat sengit kerana antara syarat ditetapkan ialah menghafaz dua juzuk al-Quran, selain lulus tiga fasa ujian kecerdasan dan mencatat keputusan 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

“Saya berazam belajar bersungguh-sungguh sepanjang berada di sini,” katanya ketika ditemui pada majlis pendaftaran kumpulan pelajar sulung berkenaan di Kolej PERMATA Insan di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah dan Pengarah Pusat PERMATA Insan, Prof Datuk Dr Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim.

#### Kurikulum khas

Bapa Irfan Ezani, Suhaimi Abdul Rahim, 38, turut bersyukur anak sulung daripada lima beradik itu

yang menunjukkan kebolehan dalam pelajaran dari seawal umur lapan tahun dan bercita-cita menjadi arkitek, berjaya memasuki Program PERMATA Insan.

“Berdasarkan taklimat mengenai program ini, saya yakin setiap pelajar terbabit akan mencapai kejayaan,” katanya.

Seorang lagi pelajar dari Sabah, Hasya Amalia Adnan, 13, pula menolak tawaran memasuki Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kota Kinabalu di Kinarut, untuk melanjutkan pelajaran di kolej itu.

“Walaupun terpaksa berjauhan dengan keluarga dan perlu menyesuaikan diri dengan tempat baharu, saya tidak menghadapi

masalah kerana ada beberapa kawan yang boleh membantu.

“Fokus saya ialah belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai impian menjadi saintis suatu hari nanti,” katanya yang ditemani bapa, Adnan Osman, 43.

Sementara itu, Musa berkata, pelajar terbabit akan mengikuti kurikulum khas yang mengandungi empat komponen, iaitu Modul Pintar al-Quran dan as-Sunnah, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris serta Pembangunan Insaniah.

Beliau berkata, kira-kira 70 peratus kegiatan akademik dalam program itu memfokus kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP) pintar, manakala bakinya ditumpukan terhadap aktiviti penyelidikan serta inovasi.

#### Ujian peringkat antarabangsa

“Kurikulum program ini tidak sama seperti sekolah biasa kerana pelajar didedahkan kepada pelajaran sains tulen ketika Tingkatan Satu, manakala dalam Tingkatan Empat nanti, mereka berpeluang mengambil ujian peringkat antarabangsa,” katanya.

Musa berkata, pelajar juga berpeluang mengikuti pengajian tinggi di dalam dan luar negara sejajar matlamat untuk melahirkan cendekiawan yang membanggakan negara serta umat Islam.

Dalam konteks berkaitan, katanya, pelajar terbabit memiliki tahap kecerdasan yang tinggi dan pernah mengikuti Kem PERMATA Insan di universiti itu dua kali setahun sewaktu cuti sekolah.

Mizan Adiliah pula berkata, pelaksanaan Program PERMATA Insan juga bertujuan memartabatkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai panduan serta amalan dalam kehidupan harian.

Beliau berkata, modulnya dicipta hasil perbincangan pelbagai pakar pendidikan, selain bengkel dan lawatan ke luar negara.

“Tanggungjawab mengenal pasti calon pintar dilakukan dengan memilih pelajar berusia lapan tahun yang berpotensi untuk dibimbing menjadi individu seimbang dari aspek dunia dan ukhrawi,” katanya.

Dari segi prasarana, Mizan Adiliah berkata, pembinaan kolej itu yang mampu menampung hingga 500 pelajar dan membabitkan kos sebanyak RM21 juta, dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata, fasa pertama pembinaan bangunan berhampiran Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) membabitkan blok pentadbiran, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, asrama serta dewan makan.



Musa (duduk dua dari kanan) bersama-sama kumpulan pelajar perintis di Kolej PERMATA Insan USIM.